

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD**NOTA AMALAN 27****TATACARA PENYENARAIAN BAGI WARAN BERSTRUKTUR**

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	8 Mei 2009
Tarikh semakan:	3 Ogos 2009, 31 Mei 2010, 27 Januari 2015, 1 April 2015, 13 Julai 2015
	Perenggan 5.09 dan 5.30

1.0 Pengenalan

1.1 Nota Amalan ini menyatakan kehendak yang berikut berhubung dengan permohonan bagi penyenaraian waran berstruktur di bawah perenggan 5.09 (BAHAGIAN I) dan Terbitan Lanjut di bawah perenggan 5.30 Kehendak-Kehendak Penyenaraian (BAHAGIAN II):

- (a) tatacara penyenaraian waran berstruktur dan Terbitan Lanjut;
- (b) bentuk permohonan penyenaraian dan dokumen sokongan; dan
- (c) kehendak lain yang berkenaan.

BAHAGIAN I PENYENARAIAN WARAN BERSTRUKTUR**2.0 Tatacara yang berhubung dengan penyenaraian terbitan tunggal waran berstruktur**

2.1 Tatacara yang berikut terpakai bagi penyenaraian terbitan tunggal waran berstruktur, dengan ubah suaian yang perlu, mengikut yang berkenaan:

- (a) penerbit mengemukakan secara serentak –
 - (i) prospektus boleh daftar kepada SC; dan
 - (ii) permohonan bagi penyenaraian dan sebut harga waran berstruktur kepada Bursa berserta dengan dokumen sokongan;
- (b) SC mendaftarkan prospektus;
- (c) Bursa memberikan kelulusan bagi penyenaraian dan sebut harga waran berstruktur;
- (d) penerbit memfailkan salinan muktamad prospektus dengan pihak berkuasa yang berkenaan;

Nota Amalan 27
Tatacara Penyenaraian Bagi Waran Berstruktur

- (e) penerbit -
 - (i) menerbitkan prospektus dan tempoh tawaran dibuka;
 - (ii) mengiklankan prospektus;
 - (iii) memberikan kepada Bursa apa-apa bilangan salinan prospektus bercetak sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa; dan
 - (iv) mengumumkan maklumat yang ditetapkan mengikut perenggan 6.1 di bawah kepada Bursa;
- (f) penerbit menerbitkan waran berstruktur dan notis pengumpulan;
- (g) penerbit mengumumkan maklumat yang ditetapkan mengikut perenggan 6.2 di bawah kepada Bursa; dan
- (h) waran berstruktur diterima masuk di Senarai Rasmi dan disebut harga di Bursa.

3.0 Tatacara yang berhubungan dengan penyenaraian penerbitan berbilang waran berstruktur

3.1 Tatacara yang berikut terpakai bagi penyenaraian penerbitan berbilang waran berstruktur, dengan ubah suaian yang perlu, mengikut yang berkenaan:

- (a) penerbit mengemukakan prospektus asas boleh daftar kepada SC;
- (b) SC mendaftarkan prospektus asas.
- (c) penerbit memfailkan salinan muktamad prospektus asas, dengan pihak berkuasa yang berkenaan;
- (d) penerbit -
 - (i) menerbitkan prospektus asas;
 - (ii) mengiklankan prospektus asas, jika berkenaan; dan
 - (iii) mengemukakan kepada Bursa apa-apa bilangan salinan prospektus asas bercetak sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa;
- (e) penerbit mengemukakan permohonan bagi penyenaraian dan sebut harga waran berstruktur kepada Bursa berserta dengan dokumen sokongan;
- (f) Bursa memberi kelulusan bagi penyenaraian dan sebut harga waran berstruktur;
- (g) penerbit mengemukakan lembaran terma boleh daftar kepada SC;
- (h) SC mendaftarkan lembaran terma;
- (i) penerbit memfailkan salinan muktamad lembaran terma dengan pihak berkuasa yang berkenaan;
- (j) penerbit -
 - (i) menerbitkan lembaran terma dan tempoh tawaran dibuka (jika berkenaan);

**Nota Amalan 27
Tatacara Penyenaraian Bagi Waran Berstruktur**

- (ii) mengiklankan lembaran terma;
 - (iii) mengemukakan kepada Bursa apa-apa bilangan salinan lembaran terma bercetak sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa; dan
 - (iv) mengumumkan maklumat yang ditetapkan mengikut perenggan 6.1 di bawah kepada Bursa.
- (k) penerbit menerbitkan waran berstruktur dan notis pengumpulan, jika berkenaan; dan
- (l) penerbit mengumumkan maklumat yang ditetapkan mengikut perenggan 6.2 di bawah kepada Bursa.

4.0 Bentuk permohonan penyenaraian dan dokumen sokongan

- 4.1 Penerbit mesti memfailkan dengan bursa permohonan penyenaraian yang terdiri daripada yang berikut:
- (a) permohonan, dalam bentuk Bahagian A Lampiran PN27-A;
 - (b) dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran PN27-A; dan
 - (a) apa-apa dokumen lain yang dinyatakan oleh Bursa.

5.0 Aku janji dan pengesahan

- 5.1 Penerbit mesti memberi kepada Bursa suatu aku janji dalam bentuk Lampiran PN27-C.
- 5.2 Penerbit mesti memastikan bahawa tiap-tiap pengarah penerbit memberi kepada Bursa suatu aku janji dalam bentuk Lampiran PN27-D.

6.0 Pengumuman kepada Bursa

- 6.1 Apabila prospektus/lembaran terma diterbitkan, penerbit mesti mengumumkan maklumat yang berikut kepada Bursa. Penerbit mesti melampirkan salinan terma muktamad waran berstruktur dengan pengumuman itu:
- (a) tarikh buka dan tarikh tutup tempoh tawaran, jika berkenaan;
 - (b) tarikh pengundian, jika berkenaan;
 - (c) tarikh pengumpulan waran berstruktur (jika berkenaan); dan
 - (d) tarikh penyenaraian tentatif.
- 6.2 Apabila menerima pengesahan daripada Depositori bahawa waran berstruktur sedia untuk dikreditkan ke dalam akaun sekuriti masing-masing, penerbit mesti dengan serta-merta mengumumkan maklumat yang berikut kepada Bursa:
- (a) tarikh sebenar penyenaraian;
 - (b) saiz terbitan;
 - (c) nama pendek saham, kod saham, kod ISIN;

Nota Amalan 27
Tatacara Penyenaraian Bagi Waran Berstruktur

- (d) sektor dan papan yang di bawahnya sekuriti itu akan disenaraikan;
- (e) terma waran berstruktur; dan
- (f) apa-apa maklumat lain yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa melalui plat contoh elektronik yang disediakan oleh Bursa.

6.3 Penerbit mesti dengan serta-merta mengumumkan apa-apa pindaan yang berikutnya (termasuk apa-apa pindaan kepada profil waran berstruktur yang timbul daripada penyelarasan) selepas pengumuman awal dalam perenggan 6.1 dan 6.2 di atas.

BAHAGIAN II TERBITAN LANJUT

7.0 Tatacara yang berhubungan dengan Terbitan Lanjut

7.1 Tatacara yang berikut terpakai bagi penyenaraian Terbitan Lanjut, dengan ubah suaian yang perlu, mengikut yang berkenaan:

- (a) penerbit mengumumkan maklumat yang berikut kepada Bursa berkaitan dengan cadangannya untuk membuat Terbitan Lanjut:
 - (i) bilangan unit yang akan diterbitkan;
 - (ii) pernyataan bahawa Terbitan Lanjut membentuk siri tunggal dengan Terbitan Sedia Ada;
 - (iii) tarikh penyenaraian tentatif; dan
 - (iv) kelulusan yang dikehendaki bagi Terbitan Lanjut;
- (b) penerbit mengemukakan permohonan bagi penyenaraian dan sebut harga Terbitan Lanjut kepada Bursa berserta dengan dokumen sokongan yang berkenaan;
- (c) Bursa memberi kelulusan bagi penyenaraian dan sebut harga waran berstruktur tambahan;
- (d) penerbit mengemukakan lembaran terma boleh daftar (bagi Terbitan Lanjut) kepada SC;
- (e) SC mendaftarkan lembaran terma.
- (f) penerbit memfailkan salinan muktamad lembaran terma dengan pihak berkuasa yang berkenaan, jika berkenaan;
- (g) penerbit -
 - (i) menerbitkan lembaran terma, jika berkenaan; dan
 - (ii) mengemukakan kepada Bursa apa-apa bilangan salinan lembaran terma bercetak sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa, jika berkenaan;
- (h) penerbit menerbitkan waran berstruktur;

Nota Amalan 27
Tatacara Penyenaraian Bagi Waran Berstruktur

- (i) apabila menerima pengesahan daripada Depositori bahawa waran berstruktur tambahan sedia untuk dikreditkan ke dalam akaun sekuriti masing-masing, penerbit dengan serta-merta mengumumkan perkara itu kepada Bursa. Penerbit mesti memasukkan maklumat yang berikut dalam pengumuman:
 - (i) tarikh sebenar penyenaraian;
 - (ii) bilangan unit yang akan diterbitkan menurut Terbitan Lanjut;
 - (iii) bilangan terbuka waran berstruktur; dan
 - (iv) apa-apa maklumat lain yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa melalui plat contoh elektronik yang disediakan oleh Bursa; dan
- (j) waran berstruktur tambahan diterima masuk dalam Senarai Rasmi dan disebut harga di Bursa.

8.0 Bentuk permohonan penyenaraian dan dokumen sokongan bagi Terbitan Lanjut

8.1 Penerbit mesti memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaraian yang terdiri daripada yang berikut:

- (a) permohonan bagi Terbitan Lanjut, dalam bentuk Bahagian A Lampiran PN27-B;
- (b) dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran PN27-B; dan
- (c) apa-apa dokumen lain yang dinyatakan oleh Bursa.

Lampiran PN27-A
Permohonan penyenaiaan bagi waran berstruktur

LAMPIRAN PN27-A

Bahagian A

Permohonan penyenaiaan bagi waran berstruktur
(perenggan 4.1(a))

Sila tanda jika berkenaan. Jika tidak berkenaan, sila tandakan "T/B"
Anda boleh tanda lebih daripada satu kotak, jika berkenaan]

1.	Nama Penerbit ("Penerbit")	
2.	Amaun dan perihalan setiap waran berstruktur ("SW") yang dimohon untuk penyenaiaan	
3.	3 keutamaan teratas nama pendek saham bagi sandaran asing kali pertama (terhad kepada 7 aksara)	(a) Pilihan 1: (b) Pilihan 2: (c) Pilihan 3:
4.	Denominasi mata wang yang SW akan disenaraikan dan disebut harga	(a) Ringgit Malaysia ("RM") <input type="checkbox"/> (b) Lain-lain : (Sila nyatakan) ----- Sekiranya SW disenaraikan dan disebut harga dalam matawang selain RM, sama ada kelulusan Bank Negara Malaysia telah diperoleh? Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/>
5.	Tarikh penyenaiaan tentatif (nyatakan)	
5A.	Tarikh luput	
6.	Proforma bilangan pemegang SW	Penerbit berhasrat untuk mengadakan kecairan melalui pembuatan pasaran Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/>

Lampiran PN27-A
Permohonan penyenaiaan bagi waran berstruktur

		Bilangan pemegang: _____ Bilangan pemegang waran yang mematuhi perenggan 5.11(1) Kehendak-Kehendak Penyenaiaan Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("LR") Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/>
7.	Aku Janji	Kami mengaku janji yang berikut: (a) perenggan yang berkenaan dalam Bahagian C, D, E, G, H, J dan M Bab 5 LR akan dipatuhi sebelum penyenaiaan dan sebut harga waran berstruktur; (b) semua notis pengumpulan akan dikeluarkan dan dihantar kepada semua pemegang sebelum tarikh penyenaiaan dan sebut harga waran berstruktur, jika berkenaan; (c) semua maklumat pengumpulan waran berstruktur akan dikemukakan kepada Depositori bagi pengkreditan waran berstruktur itu ke dalam akaun pemegang sekuriti masing-masing; (d) cek yang dikeluarkan untuk dibayar kepada "Bursa Malaysia Securities Berhad" atau apa-apa bukti pembayaran lain yang boleh diterima oleh Bursa sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa, yang merupakan fi penyenaiaan berserta dengan salinan perincian pengiraan amaun fi penyenaiaan yang kena dibayar akan dikemukakan kepada Bursa pada hari pertama penyenaiaan waran berstruktur; (e) semua syarat, termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang dikehendaki untuk dipenuhi sebelum penyenaiaan dan sebut harga waran berstruktur akan dipenuhi; (f) akan mematuhi semua perenggan yang berkenaan dalam Bab 5 LR dan semua undang-undang lain yang terpakai yang berhubungan dengan terbitan, penjualan atau tawaran waran berstruktur; (g) tidak ada hal keadaan atau fakta yang mempunyai kesan menghalang atau melarang penerbitan, penyenaiaan dan/atau sebut harga waran berstruktur, termasuk apa-apa perintah, injuksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang; (h) akan dengan serta-merta memaklumkan Bursa apabila menyedari, selepas pengemukakan permohonan penyenaiaan, bahawa pemohon telah gagal untuk memenuhi mana-mana aku janji di atas yang disebut dalam perenggan (a) hingga (f) atau tentang apa-apa hal keadaan atau fakta yang disebut dalam perenggan (g) di atas; (i) untuk membuat pengumuman yang berkenaan mengikut perenggan 6.0 Nota Amalan 27;

Lampiran PN27-A
Permohonan penyenaaraian bagi waran berstruktur

		<p>(j) akan mengemukakan kepada Bursa pada hari pertama penyenaaraian, suatu pengesahan bahawa perenggan yang berkenaan dalam Bahagian C, D, E, G, H, J dan M Bab 5 LR telah dipatuhi;</p> <p>(k) akan mengemukakan kepada Bursa pada hari pertama penyenaaraian, suatu surat daripada broker yang layak yang mengemukakan permohonan penyenaaraian bagi pihak penerbit; atau sekiranya penerbit ialah broker yang layak atau orang berlesen yang layak yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia yang mengemukakan permohonan bagi pihaknya sendiri, suatu surat daripada penerbit, yang mengesahkan bahawa semua kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan telah diperoleh (jika berkenaan);</p> <p>(l) akan mengemukakan kepada Bursa pada hari pertama penyenaaraian, salinan semua surat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan yang belum difailkan dengan Bursa (jika berkenaan); dan</p> <p>(m) akan mengemukakan kepada Bursa pada hari pertama penyenaaraian atau dengan serta-merta selepas tandatangan surat ikatan amanah/surat ikatan pol, mengikut mana-mana yang lebih awal, sesalinan surat ikatan amanah/surat ikatan pol yang telah ditandatangani dengan sewajarnya berserta dengan surat pematuhan yang dilampirkan bersama dengan suatu senarai semak yang menunjukkan pematuhan (jika berkenaan).</p>
<p>[Penandatangan *broker yang layak yang diberi kuasa] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>		<p>[Penandatangan Penerbit yang diberi kuasa] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>

** Penandatangan penerbit yang diberi kuasa jika penerbit ialah broker yang layak atau orang berlesen yang layak yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia, yang mengemukakan permohonan penyenaaraian bagi pihaknya sendiri.*

Bahagian B

Dokumen yang perlu difailkan dengan permohonan penyenaaraian bagi waran berstruktur (perenggan 4.1(b))

- (1) Penerbit mesti menfailkan dokumen yang berikut bagi menyokong permohonan penyenaaraian bagi waran berstruktur:
 - (a) salinan draf surat ikatan amanah/surat ikatan pol atau surat ikatan amanah/surat ikatan pol yang telah ditandatangani dengan sewajarnya mengikut mana-mana yang berkenaan;

Lampiran PN27-A
Permohonan penyenaraian bagi waran berstruktur

- (b) surat aku janji dalam bentuk Lampiran PN27-C yang telah ditandatangani dengan sewajarnya oleh penerbit berserta dengan cabutan sah terperaku ketetapan lembaga pengarah penerbit yang memberi kuasa kepada penandatangani;
 - (c) surat aku janji dalam bentuk Lampiran PN27-D yang telah ditandatangani dengan sewajarnya oleh setiap pengarah penerbit;
 - (d) surat daripada penasihat penerbit yang mengesahkan bahawa semua kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan telah diperolehi, jika berkenaan;
 - (e) salinan semua surat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan, jika berkenaan;
 - (f) jadual waktu bagi pelaksanaan cadangan;
 - (g) salinan prospektus, lembaran terma dan tambahannya (jika berkenaan) yang didaftarkan dengan pihak berkuasa yang berkenaan atau jika tidak berkenaan atau tidak tersedia, sesalinan prospektus boleh daftar dan/atau draf lembaran terma /lembaran terma boleh daftar dan tambahannya (jika berkenaan) yang dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan;
 - (h) salinan penarafan kredit terkini bagi penerbit oleh agensi penarafan yang berkenaan;
 - (i) salinan perakuan penyerahsimpanan prospektus dengan pihak berkuasa yang berkenaan;
 - (j) senarai semak yang menunjukkan pematuhan kepada Bab 5 Kehendak-Kehendak Penyenaraian; dan
 - (k) semua dokumen sokongan yang berkenaan yang membuktikan pematuhan kepada kelayakan penerbit dan surat cara kewangan sandaran masing-masing.
- (2) Sekiranya mana-mana dokumen di atas tidak difailkan kerana dokumen itu tidak berkenaan atau tidak tersedia dalam mana-mana hal, penerbit mesti mengemukakan ekshibit berasingan yang menjelaskan sebab dokumen itu tidak berkenaan atau tidak tersedia.

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN PN27-B

Bahagian A

Permohonan penyenaiaan bagi Terbitan Lanjut
(perenggan 8.1(a))

1.	Nama penerbit ("Penerbit")	
2.	Amaun dan perihalan setiap waran berstruktur ("SW") yang dimohon untuk penyenaiaan	
3.	Amaun setiap SW dalam Terbitan Sedia Ada	
4.	Peratusan setiap SW dalam Terbitan Sedia Ada yang dipegang oleh Penerbit dan mana-mana anggota kumpulan Penerbit	
5.	Denominasi mata wang yang SW akan disenaraikan dan disebut harga	<p>(a) Ringgit Malaysia ("RM") <input type="checkbox"/></p> <p>(b) Lain-lain : _____ <input type="checkbox"/></p> <p>Sekiranya SWs disenaraikan dan disebut harga dalam mata wang selain RM, sama ada kelulusan Bank Negara Malaysia telah diperolehi?</p> <p>Ya <input type="checkbox"/></p> <p>Tidak <input type="checkbox"/></p>
6.	Tarikh penyenaiaan tentatif (nyatakan)	
7.	Pengesahan	<p>Kami mengesahkan yang berikut:</p> <p>(a) kami mematuhi sepenuhnya kehendak-kehendak yang berkenaan bagi penerbit sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Garis Panduan Kelayakan Penerbit – Waran Berstruktur Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.</p>

Lampiran PN27-B
Permohonan penyenaraian bagi Terbitan Lanjut

		(b) kami mematuhi sepenuhnya kehendak-kehendak yang berkenaan bagi Terbitan Lanjut menurut perenggan 5.29(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama (“LR”) Bursa Malaysia Securities Berhad (“ Bursa ”).
8.	Aku Janji	<p>Kami mengaku janji yang berikut:</p> <p>(a) semua maklumat pengumpulan waran berstruktur akan dikemukakan kepada Depositori bagi pengkreditan waran berstruktur itu ke dalam akaun pemegang sekuriti masing-masing;</p> <p>(b) semua syarat, termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang dikehendaki untuk dipenuhi sebelum penyenaraian dan sebut harga waran berstruktur akan dipenuhi;</p> <p>(c) tidak ada hal keadaan atau fakta yang mempunyai kesan menghalang atau melarang penerbitan, penyenaraian dan/atau sebut harga waran berstruktur, termasuk apa-apa perintah, injuksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang;</p> <p>(d) akan dengan serta-merta memaklumkan Bursa apabila menyedari, selepas pengumuman permohonan penyenaraian, bahawa pemohon telah gagal untuk memenuhi mana-mana aku janji di atas yang disebut dalam perenggan (a) hingga (b) atau tentang apa-apa hal keadaan atau fakta yang disebut dalam perenggan (c) di atas;</p> <p>(e) untuk membuat pengumuman yang berkenaan mengikut perenggan 7.1(i) Nota Amalan 27;</p> <p>(f) akan mengemukakan kepada Bursa pada hari pertama penyenaraian, suatu surat daripada broker yang layak atau sekiranya penerbit ialah broker yang layak atau orang berlesen yang layak yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia yang mengemukakan permohonan bagi pihaknya sendiri, suatu surat daripada penerbit, yang mengesahkan bahawa semua kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan telah diperoleh (jika berkenaan);</p> <p>(g) akan mengemukakan kepada Bursa pada hari pertama penyenaraian, salinan semua surat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan bagi penerbitan waran berstruktur yang belum difailkan dengan Bursa (jika berkenaan); dan</p> <p>(h) akan mengemukakan kepada Bursa pada hari pertama penyenaraian atau dengan serta-merta selepas tandatangan surat ikatan amanah/surat ikatan pol atau tambahannya, mengikut mana-mana yang lebih awal, sesalinan surat ikatan amanah/surat ikatan pol atau tambahannya yang telah ditandatangani dengan sewajarnya berkenaan dengan waran berstruktur tambahan berserta dengan surat pematuhan yang dilampirkan bersama dengan suatu senarai semak yang menunjukkan pematuhan (jika berkenaan).</p>

Lampiran PN27-B
Permohonan penyenaiaan bagi Terbitan Lanjut

[Penandatanganan *broker yang layak
yang diberi kuasa]

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

[Penandatanganan Penerbit yang
diberi kuasa]

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

** Penandatanganan penerbit yang diberi kuasa jika penerbit ialah broker yang layak atau orang berlesen yang layak yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia, yang mengemukakan permohonan penyenaiaan bagi pihaknya sendiri**

Bahagian B**Dokumen yang perlu difailkan dengan permohonan penyenaiaan bagi Terbitan Lanjut**
(paragraph 8.1(b))

- (1) Salinan prospektus, lembaran terma dan tambahannya (jika berkenaan) yang didaftarkan dengan pihak berkuasa yang berkenaan.
- (2) Sesalinan prospektus tambahan boleh daftar (jika berkenaan) dan/atau draf lembaran terma /lembaran terma boleh daftar (bagi Terbitan Lanjut) yang dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan.
- (3) Salinan penarafan kredit terkini bagi penerbit oleh agensi penarafan yang berkenaan.
- (4) Salinan perakuan penyerahsimpanan prospektus dengan pihak berkuasa yang berkenaan (jika berkenaan).
- (5) Senarai semak yang menunjukkan pematuhan kepada perenggan 5.29(1) Kehendak-Kehendak Penyenaiaan.
- (6) semua dokumen sokongan yang berkenaan yang membuktikan pematuhan kepada perenggan 5.29(1) Kehendak-Kehendak Penyenaiaan.

[Lampiran Tamat]

Lampiran PN27-C
Aku janji oleh pengarah penerbit waran berstruktur

LAMPIRAN PN27-C

Aku janji oleh penerbit bagi penyenaian waran berstruktur
(paragraph 5.1)

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala LumpurPematuhan kepada Kehendak-Kehendak Penyenaian Pasaran Utama dan Kaedah-Kaedah Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**")Sebagai balasan Bursa Securities meluluskan permohonan kami bagi penerimaan masuk dan sebut harga rasmi di Senarai Rasmi Bursa Securities ("**Senarai Rasmi**"), semua waran berstruktur ("**Waran Berstruktur**") yang diterbitkan di bawah prospektus bertarikh [masukkan tarikh] ("**Prospektus**") -

- (a) KAMI MENGAKUI bahawa Waran Berstruktur hendaklah kekal di Senarai Rasmi, dan sebut harga rasmi mana-mana Waran Berstruktur hendaklah berterusan hanya selama yang ditetapkan oleh Bursa Securities; dan
- (b) KAMI MENGAKU JANJI DAN BERSETUJU untuk mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaian Pasaran Utama Bursa Securities dan Kaedah-Kaedah Bursa Securities, termasuk apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa, setakat yang Kehendak-Kehendak Penyenaian itu terpakai bagi kami, dari tarikh Prospektus sehingga tarikh luput Prospektus atau tarikh matang Waran Berstruktur, mengikut mana-mana yang lebih kemudian.

**Aku Janji ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan tafsiran, kesahan dan prestasi Aku Janji ini ditadbir dalam semua aspek mengikut undang-undang Malaysia dan KAMI secara tak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Aku Janji di atas telah ditandatangani oleh saya sebagai [jawatan]
[Penerbit] menurut kuasa yang diberikan kepada saya melalui ketetapan lembaga pengarah penerbit pada.....

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

** Terpakai bagi penerbit asing sahaja.

[Lampiran Tamat]

Lampiran PN27-D
Aku janji oleh pengarah penerbit waran berstruktur

LAMPIRAN PN27-D

Aku janji oleh pengarah penerbit waran berstruktur
(perenggan 5.2; perenggan 5.37 Kehendak-Kehendak Penyenaraian)

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Pematuhan kepada Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama

Saya, [nama pengarah], ialah pengarah[nama penerbit]
("Perbadanan") yang

- (a) #telah mengemukakan permohonan untuk menerima masuk di Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**"), semua waran berstruktur ("**Waran Berstruktur**") yang diterbitkan di bawah prospektus bertarikh [masukkan tarikh] ("**Prospektus**"); atau
- (b) #waran berstrukturnya yang diterbitkan di bawah prospektus bertarikh [masukkan tarikh] ("**Prospektus**") disenaraikan di Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**") ("**Waran Berstruktur**").

Sebagai balasan Bursa Securities #meluluskan permohonan Perbadanan bagi penyenaraian Waran Berstruktur di Senarai Rasmi / membenarkan penyenaraian berterusan Waran Berstruktur Perbadanan di Senarai Rasmi, SAYA MENGAJU JANJI DAN BERSETUJU untuk mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities, termasuk apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa, setakat yang Kehendak-Kehendak Penyenaraian itu terpakai bagi saya sebagai pengarah Perbadanan, dari tarikh Prospektus sehingga tarikh luput Prospektus atau tarikh matang Waran Berstruktur, mengikut mana-mana yang lebih kemudian

** Aku Janji ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan tafsiran, kesahan dan prestasi Aku Janji ini ditadbir dalam semua aspek mengikut undang-undang Malaysia dan KAMI secara tak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Yang benar,

.....

Nama:

No. Kad Pengenalan (Lama & Baharu):

** No. Pasport & Negara Pengeluar:

Jawatan:

Tarikh:

Potong mengikut kesesuaian

** Terpakai bagi pengarah asing sahaja.

[Lampiran Tamat]